A

STEM RESOURCES SDN BHD

lwn.

KEKAL LESTARI SDN BHD & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
NOR BEE ARIFFIN PK
[GUAMAN SIVIL NO: 22-721-2005]
12 MEI 2011

C ***KEBANKRAPAN:*** *Keupayaan seorang bankrap - Kekompetenan - Kebankrapan pengarah syarikat - Perjanjian ditandatangani bagi pihak syarikat oleh pengarah yang diisytiharkan bankrap - Sama ada perjanjian sah dan mengikat - Akta Kebankrapan 1967, s. 38(1)(a)*

D ***KETERANGAN:*** *Saksi - Kredibiliti - Keterangan bercanggah dengan kandungan perjanjian - Percanggahan dalam keterangan saksi - Sama ada keterangan wajar ditolak*

E ***KONTRAK:*** *Kemungkiran - Kontrak pembinaan kapal - Pembeli gagal membayar harga kapal - Sama ada kapal disiapkan dengan sempurna - Pertikaian mengenai harga sebenar kapal - Keterangan saksi bercanggah dengan kandungan perjanjian - Sama ada tuntutan untuk harga kapal wajar dibenarkan*

F ***KONTRAK:*** *Kesahan - Kebankrapan pengarah syarikat - Perjanjian ditandatangani bagi pihak syarikat oleh pengarah yang diisytiharkan bankrap - Sama ada perjanjian sah dan mengikat*

KONTRAK: *Kesahan - Ketiadaan resolusi lembaga pengarah - Perjanjian ditandatangani bagi pihak syarikat defendan tanpa resolusi lembaga pengarah - Sama ada perjanjian sah dan mengikat*

G ***UNDANG-UNDANG SYARIKAT:*** *Resolusi - Kesan di sisi undang-undang - Prinsip pengurusan dalaman - Sama ada terpakai - Perjanjian ditandatangani bagi pihak syarikat defendan tanpa resolusi lembaga pengarah - Sama ada perjanjian sah dan mengikat - Sama ada tanggungjawab plaintif untuk memastikan resolusi diluluskan - Sama ada prinsip pengurusan dalaman terpakai - Akta Syarikat 1965, s. 127*

H

Plaintif menjalankan perniagaan sebagai pembina kapal laut. Melalui satu perjanjian lisan antara plaintif dan defendan pertama ('D1') dalam bulan Ogos 2003, plaintif telah membina kulit kapal laut (iaitu rumah dan badan kapal, iaitu dinding, lantai, rumah, kerangka kosong tetapi tidak termasuk I peralatan dalam) untuk D1. Kos pembinaan kulit kapal adalah RM330,000. Atas permintaan D1, plaintif juga telah memasang

kelengkapan kapal dengan kos sebanyak RM261,481. Pada 3 Julai 2004 kedua-dua pihak telah membuat perjanjian pembayaran pembelian kapal tanpa peralatan dengan harga RM330,000 ('perjanjian tersebut'). Perjanjian tersebut memperuntukkan cara pembayaran RM330,000 tersebut secara ansuran. Defendan kedua ('D2') telah menandatangani perjanjian bagi pihak D1 dan juga bertindak sebagai penjamin bagi D1. D1 telah gagal membayar baki harga kulit kapal tersebut sebanyak RM236,000 dan plaintif telah memulakan tindakan ini untuk mendapatkan jumlah tersebut. Saksi kedua plaintif ('SP2') telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif plaintif pada 14 September 2000. Pada 4 Februari 2001, SP2 telah diisytiharkan seorang bankrap. Walaupun mengetahui tentang status kebankrapannya, SP2 masih diberi kuasa melalui resolusi lembaga pengarah plaintif bertarikh 15 Jun 2004 untuk menandatangani perjanjian tersebut pada 3 Julai 2004 bagi pihak plaintif. D1 menafikan wujudnya perjanjian tersebut dan harga kulit kapal yang dikatakan dipersetujui sebanyak RM330,000. D1 juga menghujahkan bahawa perjanjian tersebut tidak sah atas alasan D2 telah menandatanganinya tanpa pengetahuan dan kebenaran dan tanpa resolusi daripada lembaga pengarah D1. Menurut defendan-defendan, anggaran kos pembinaan keseluruhan kapal tersebut adalah RM700,000 dan D1 telah membuat bayaran secara berperingkat-peringkat bagi pembelian enjin dan kelengkapan peralatan tetapi bayaran tersebut tidak dimanfaatkan oleh plaintif secara sepatutnya kerana kapal tidak disiapkan dengan sempurna. D1 menyatakan bahawa ia telah terlebih membayar plaintif sebanyak RM119,776.02 dan D1 menuntut jumlah ini dalam tuntutan balasnya. Isu-isu yang timbul untuk diputuskan oleh mahkamah adalah: (i) sama ada perjanjian tersebut adalah tidak sah dan *void ab initio* memandangkan SP2 yang menandatangani perjanjian itu bagi pihak plaintif merupakan seorang bankrap; (ii) sama ada perjanjian tersebut adalah tidak sah oleh sebab ketiadaan resolusi oleh lembaga pengarah D1; (iii) sama ada D2 terikat sebagai penjamin kepada D1 di bawah perjanjian tersebut; dan (iv) sama ada D1 telah memungkiri perjanjian tersebut apabila gagal membayar jumlah wang sebanyak RM236,000.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif dengan kos):

(1) Perbuatan SP2 menandatangani perjanjian tersebut tidak menjejaskan kesahan atau kesahihan perjanjian tersebut menurut kuasa peruntukan s. 127 Akta Syarikat 1965 ('Akta 125'). Seksyen 127 mempunyai kesan mengesahkan apa-apa perbuatan seseorang pengarah, pengurus atau setiausaha walaupun kemudiannya didapati ada kecacatan pada pelantikan atau kelayakannya. Seksyen 127 terpakai apabila terdapat pelantikan yang defektif seperti yang berlaku dalam hal pelantikan SP2 melalui resolusi bertarikh 15 Jun 2004. D1 dan D2 tidak boleh menyatakan perjanjian tersebut terbatal kerana s. 127 Akta 125

mempunyai kesan mengesahkan perbuatan SP2 menandatangani perjanjian tersebut dan dengan itu, perjanjian yang ditandatangani adalah sah dan mengikat defendan. (perenggan 10)

(2) Peruntukan s. 38(1)(a) Akta Kebankrapan 1967 (Akta 360) tidak terpakai dalam kes ini. SP2 bukannya pihak yang membawa tindakan ini. SP2 yang bukan merupakan pengarah tidak hilang kelayakannya untuk memegang jawatan di bawah s. 38. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau merupakan pekerja plaintif. Yang membawa tindakan ini adalah plaintif, majikannya. Oleh itu tidak berbangkit soal ketidakkompetenan SP2 yang membawa kepada perjanjian tersebut tidak boleh dikuatkuasakan. (perenggan 12)

(3) Perjanjian tersebut wujud, sah kerana ditandatangani dengan rela dan tanpa paksaan oleh D2 dan mengikat D1 kerana D2 sebagai seorang pengarah telah diberikan mandat oleh D3 untuk menandatanganinya walaupun mandat tersebut tidak dibuat dalam bentuk resolusi lembaga pengarah D1. Bukan menjadi tanggungjawab plaintif untuk memastikan bahawa D1 telah meluluskan resolusi memberi kebenaran kepada D2 untuk menandatangani perjanjian tersebut berdasarkan kepada prinsip pengurusan dalaman; *Thong Guan Co (Pte) Ltd v. Lam Kong Co Ltd (No 2)* [1998] 3 CLJ 964 (dirujuk). (perenggan 13)

(4) D2 telah menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak D1 dan sebagai penjamin kepada D1. Maka, D2 adalah bertanggungan sebagai penjamin terhadap keberhutangan D1. Kebertanggungjawaban D2 di bawah perjanjian tersebut tidak dipertikaikan. Tidak dikemukakan dalam keterangan apa-apa penafian mengenainya. (perenggan 14)

(5) Keterangan D2, SD2 dan SD3 bahawa anggaran kos sebanyak RM700,000 yang dipersetujui secara lisan ditolak kerana bercanggah dengan kandungan perjanjian tersebut. Terdapat banyak ketidakkonsistenan dan percanggahan dalam keterangan saksi-saksi defendan. Pli D1 mengenai RM700,000 sememangnya tidak boleh dipertahankan. Tidak ada apa-apa keterangan dokumentari bagaimana amaun ini boleh dicapai. Penipuan yang didakwa hanya merupakan suatu pemikiran semula sahaja. Tidak dibuktikan bahawa kapal tersebut tidak sempurna pembinaannya. (perenggan 16)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Manaf Ahmad v. Mohd Kamil Datuk Hj Mohd Kassim [2009] 2 CLJ 121 CA ***(dirujuk)***

Affin Credit (M) Sdn Bhd v. Yap Yuen Fui [1984] 1 CLJ 149; [1984] 1 CLJ (Rep) 62 FC ***(dirujuk)***

Aik Ming (M) Sdn Bhd & Ors v. Chang Ching Chuen & Ors & Another Case [1995] 3 CLJ 639 CA ***(dirujuk)***
Asia Commercial Finance (M) Bhd v. Pasadena Properties Development & Ors [1990] 2 CLJ 961; [1990] 1 CLJ (Rep) 606 HC ***(dirujuk)***
Chin Kon Nam & Anor v. Chai Yun Phin Development Sdn Bhd [1996] 1 CLJ 444 HC ***(dirujuk)***
David Wong Hon Leong v. Noorazman Adnan [1995] 4 CLJ 155 CA ***(dirujuk)***
Mahoney v. East Holyford Mining Co [1875] LR7 HL 869 ***(dirujuk)***
Mohd Afsar Yunus v. Handal Utama Sdn Bhd [1995] 2 CLJ 118 HC ***(dirujuk)***
Mohd Yusof Bin Awang & Anor v. Malayan Banking Bhd & Anor [1995] 1 LNS 296 HC ***(dirujuk)***
Priyakumary Muthucumaru & Anor v. Gunasingam Ramasingam [2006] 4 CLJ 458 CA ***(dirujuk)***
Royal British Bank v. Turquand [1856] 6 E&B 327 ***(dirujuk)***
Tan Chong & Sons Motor Co Sdn Bhd v. Alan Mcknight [1983] 1 CLJ 77; [1983] CLJ (Rep) 394 FC ***(dirujuk)***
Thong Guan Co (Pte) Ltd v. Lam Kong Co Ltd (No 2) [1998] 3 CLJ 964 HC ***(dirujuk)***
Tindok Besar Estate Sdn Bhd v. Tinjar Co [1979] 1 LNS 119 FC ***(dirujuk)***
Wong Yew Kwan v. Wong Yu Ke & Anor [2010] 2 CLJ 703 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, s. 38(1)(a)
Companies Act 1965, ss. 125(1), (2), 127
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 12

Sumber-sumber yang dirujuk:
The Annotated Statutes of Malaysia Desk Edition, vol 2, ms 252

Bagi pihak plaintif - T/n Faidz, Leong & Chong
Bagi pihak defendan - T/n Abdul Rahman Azubir & Co

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Nor Bee Ariffin PK:

Kes Plaintif

[1] Plaintif menjalankan perniagaan sebagai pembina kapal laut dalam dan mempunyai permit daripada Jabatan Perikanan Malaysia ("JPM") bagi membina kapal laut dalam. Defendan pertama ("D1") merupakan pelanggan plaintif dengan kegiatan utamanya menangkap ikan di laut dalam. Melalui perjanjian lisan antara kedua-dua pihak dalam bulan Ogos 2003, plaintif telah membina kulit kapal laut dalam untuk D1. Kulit kapal diberikan pengertian rumah dan badan kapal, iaitu dinding, lantai, rumah, kerangka kosong tetapi tidak termasuk peralatan. Kos pembinaan kulit

kapal adalah RM330,000. Atas permintaan D1, plaintif juga telah memasang kelengkapan kapal dengan kos sebanyak RM261,481. Nombor pendaftaran kapal tersebut dengan JPM ialah KNF 7396. Penjualan kapal laut dalam itu memerlukan kebenaran daripada JPM. Setelah kapal siap dibina, SP2 menulis surat bertarikh 17 Disember 2003 (ms. 16/D) untuk mendapatkan kebenaran daripada JPM untuk menjual kapal tersebut tanpa enjin kepada D1 dan menyatakan persetujuan membenarkan D1 membuat bayaran secara ansuran. Berikutnya, pada 3 Julai 2004 kedua-dua pihak membuat perjanjian pembayaran pembelian vesel KNF 7396 tanpa peralatan dengan harga RM330,000 ("perjanjian tersebut"). Perjanjian tersebut memperuntukkan cara pembayaran RM330,000 itu, iaitu D1 hendaklah membuat pembayaran permulaan sebanyak RM100,000 dan bayaran peralatan yang telah dibayar oleh plaintif untuk kegunaan KNF 7396 sebanyak RM13,997, kedua-duanya pada 5 Julai 2004. Bayaran seterusnya adalah secara lima ansuran melalui empat keping cek bernilai RM50,000 setiap satu untuk Ogos, September, Oktober dan November 2004 serta sekeping cek bernilai RM30,000 untuk Disember 2004. Kaedah pembayaran yang terkandung dalam perjanjian tersebut adalah selaras dengan keputusan yang dibuat oleh lembaga pengarah plaintif melalui resolusi bertarikh 15 Jun 2004. Defendan kedua ("D2") yang memberi keterangan sebagai saksi pertama defendan menandatangani perjanjian bagi pihak D1 dan sebagai penjamin D1.

[2] Daripada jumlah kos kelengkapan sebanyak RM261,481, D1 telah membayar RM249,005 (eks. P2 di ms. 35-37/D). Daripada RM330,000, D1 membayar plaintif RM90,000 melalui cek pada 7 Julai 2004 (penyata akaun bertarikh 1 Ogos 2004 di ms. 32/D). Plaintif telah melepaskan KNF 7396 kepada D1 selepas dibuat pembayaran RM90,000 itu. Setelah ditolak diskaun sebanyak RM4,000, maka baki harga kulit kapal adalah RM236,000. D1 telah gagal membuat pembayaran ini. Surat tuntutan bagi mendapatkan jumlah ini dibuat oleh peguam cara plaintif T/n Faidz Leong & Chong melalui surat bertarikh 24 Mac 2005 terhadap D1 dan D2 (ms. 10-15/D). Kedua-dua defendan tidak menjawab atau menafikan surat tersebut dan tiada pembayaran yang dibuat. Tindakan ini dibawa untuk mendapatkan jumlah wang yang tertunggak, faedah dan kos dan perintah menahan defendan dan mana-mana pihak lain daripada berurusan dengan kapal tersebut sehingga selesai prosiding ini.

[3] Saksi pertama plaintif (SP1) ialah pengarah plaintif dan isteri kepada saksi kedua plaintif (SP2). SP2 dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif plaintif pada 14 September 2000. Pada 4 Februari 2001 SP2 telah diisytiharkan seorang bankrap. Walaupun mengetahui tentang status kebankrapannya, SP2 masih diberi kuasa melalui resolusi lembaga pengarah plaintif bertarikh 15 Jun 2004 untuk menandatangani perjanjian

tersebut pada 3 Julai 2004 bagi pihak plaintif dan bagi memantau pembayaran yang dibuat (ms. 8/D). SP3 ialah bapa SP2 dan rakan persekolahan D2.

Kes Defendan

[4] Dua orang saksi defendan memberi keterangan selain D2. Saksi kedua defendan ("SD2") ialah pemegang syer majoriti D1 sebanyak 65%. Saksi ketiga defendan (SD3) merupakan seorang pengurus kewangan beberapa syarikat termasuk D1. Saksi ini mengakui tidak mempunyai pengetahuan tentang perjanjian tersebut.

[5] Dalam plidingnya D1 menafikan wujudnya perjanjian tersebut dan harga kulit kapal yang dikatakan dipersetujui sebanyak RM330,000. Bagaimanapun, dalam keterangan, D2 dan SD2 tidak menafikan kewujudan perjanjian tersebut. Cuma kedua-duanya menyatakan bahawa perjanjian tersebut tidak ada kuat kuasa undang-undang dan terbatal *ab initio* oleh sebab status kebankrapan SP2 yang menandatanganinya bagi pihak plaintif. Tidak ditunjukkan bahawa SP2 telah memperoleh sanksi daripada Ketua Pengarah Insolvensi untuk melaksanakan perjanjian tersebut. SD2 enggan mengiktiraf perjanjian tersebut dan hanya menggunakannya bagi maksud membuat pembayaran pembinaan kapal. Beliau lebih senang menggunakan perjanjian lisan yang dikatakan dibuat dengan SP3. Perjanjian tersebut juga menjadi tidak sah, mengikut keterangan SD2, kerana D2 menandatanganinya tanpa pengetahuan dan kebenaran dan tanpa resolusi daripada lembaga pengarah D1. Keterangan D2, SD2 dan SD3 menunjukkan bahawa anggaran kos pembinaan keseluruhan bagi kerangka dan kulit kapal dan kos enjin dan kelengkapan peralatan yang dipersetujui secara lisan oleh kedua-dua pihak adalah sebanyak RM700,000. D1 telah membuat bayaran secara berperingkat-peringkat mengikut kemajuan kerja ke atas pembelian enjin dan kelengkapan peralatan kepada plaintif. Bayaran tersebut, mengikut pli D1 dan keterangan saksi-saksi D1 lagi, telah tidak dimanfaatkan oleh plaintif sepatutnya kerana kapal tidak disiapkan dengan sempurna dan D1 terpaksa mengeluarkan wang tambahan untuk melengkapkan peralatan yang perlu bagi penggunaan menangkap ikan di laut dalam. D1 merasa tertipu kerana plaintif tidak ikhlas kepada perjanjian lisan yang telah dipersetujui antara mereka.

[6] D1 menafikan terhutang dengan plaintif. Malah, D1 menyatakan telah membuat pembayaran secara berperingkat berjumlah RM355,776.02. Maka berdasarkan jumlah pembayaran itu dan tuntutan plaintif sebanyak RM236,000, D1 menyatakan bahawa mereka telah terlebih membayar plaintif sebanyak RM119,776.02. Defendan menuntut jumlah ini dalam tuntutan balasnya.

A **Tuntutan Balas**

[7] Plaintif menyatakan D1 cuba mengelirukan dengan mencampur aduk pembayaran kelengkapan kapal dengan kos penyiapan kulit kapal.

Isu Untuk Dibicarakan

B

[8] Seperti dalam ikatan C. Isu utama adalah seperti yang berikut:

(a) sama ada perjanjian tersebut adalah tidak sah dan *void ab initio* memandangkan SP2 yang menandatangani perjanjian itu bagi pihak plaintif merupakan seorang bankrap;

C

(b) sama ada perjanjian tersebut adalah tidak sah oleh sebab ketiadaan resolusi oleh lembaga pengarah D1;

(c) sama ada D2 terikat sebagai penjamin kepada D1 di bawah perjanjian tersebut; dan

D

(d) sama ada D1 telah memungkiri perjanjian tersebut apabila gagal membayar jumlah wang sebanyak RM236,000.

Dapatan Saya

E

Isu (a)

[9] Seksyen 125 Akta Syarikat 1965 (Akta 125) memperuntukkan yang berikut:

F

Undischarged bankrupts acting as directors

125. (1) Every person who being an undischarged bankrupt acts as director of, or directly or indirectly takes part in or is concerned in the management of, any corporation except with the leave of the Court shall be guilty of an offence against this Act.
Penalty: Imprisonment for five years or one hundred thousand ringgit or both.

G

(2) The Court shall not give leave under this section unless notice of intention to apply therefor has been served on the Minister and on the Official Receiver and the Minister and the Official Receiver or either of them may be represented at the hearing of and may oppose the granting of the application.

H

Dalam kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd v. Pasadena Properties Development & Ors* [1990] 2 CLJ 961; [1990] 1 CLJ (Rep) 606; [1991] 1 MLJ 111, defendan kedua, seorang bankrap yang belum dilepaskan

I

telah mengikrarkan afidavit bagi permohonan di hadapan mahkamah dan di ms. 612 (CLJ), ms. 115 (MLJ), Zakaria Yatim J (Yang Arif pada masa itu) memutuskan yang berikut:

> From the affidavit of the second defendant and from the definitions of the words 'manager' and 'officer' in s. 4 of the Companies Act 1965, it is clear that the second defendant was the principal executive officer of the company. It will be recalled that the second defendant confirmed that he had been adjudicated a bankrupt in 1978 and had not been discharged yet. As he was not a director of the company he was not disqualified to hold office under s. 38 of the Bankruptcy Act 1967. But he admitted in his affidavit that he was 'the principal officer managing the affairs of the first defendant company'. When he acted in that capacity he was directly or indirectly taking part in or was concerned in the management of the company. In my view the second defendant had acted in contravention of s. 125(1) of the Companies Act 1965. He had so acted without the leave of the court. Section 125(1) states:
>
> …
>
> Since the second defendant had acted in contravention of s. 125(1) in my view he had no capacity to affirm the affidavit on behalf of the first defendant or alternatively his averment pertaining to the first defendant is inadmissible and cannot be relied upon.

[10] Seperti yang disebut dalam nota dalam *The Annotated Statutes of Malaysia Desk Edition* vol. 2 (2002 Reissue) di ms. 252, kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd* ini tidak membincangkan kesan s. 127 Akta 125. Kes ini juga tidak mengambil pertimbangan bahawa seksyen ini tidak melucutkan kapasiti seseorang bankrap tetapi hanya menghukum beliau jika beliau bertindak secara bertentangan. Ringkasnya, seksyen ini hanyalah berbentuk penal. Seperti juga dalam kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd*, saya berpendapat bahawa SP2 telah melakukan suatu kesalahan di bawah sub-s. 125(2) Akta 125 apabila beliau sebagai ketua pegawai eksekutif telah mengambil bahagian dan terlibat dalam pengurusan syarikat plaintif dengan menandatangani perjanjian tersebut tanpa kebenaran mahkamah. Namun begitu, saya juga berpandangan bahawa perbuatan SP2 menandatangani perjanjian tersebut tidak menjejaskan kesahan atau kesahihan perjanjian tersebut menurut kuasa peruntukan s. 127 Akta 125. Seksyen 127 mempunyai kesan mengesahkan apa-apa perbuatan seseorang pengarah, pengurus atau setiausaha walaupun kemudiannya didapati ada kecacatan pada pelantikan atau kelayakannya. Seksyen itu memperuntukkan yang berikut:

> Validity of acts of directors and officers
>
> 127. The acts of a director or manager or secretary shall be valid notwithstanding any defects that may afterwards be discovered in his appointment or qualification.

Seksyen ini terpakai apabila terdapat pelantikan yang defektif seperti yang berlaku dalam hal pelantikan SP2 melalui resolusi bertarikh 15 Jun 2004. Pelantikan beliau untuk "directly or indirectly taking part in or was concerned in the management of the company" adalah bagi melakukan perbuatan yang menyalahi sub-s. 125(1) walau bagaimana yakin sekalipun plaintif dengan keupayaan SP2 yang berpengalaman dalam bidang pembinaan kapal selama 20 tahun. Di bawah tajuk nota dalam *The Annotated Statutes of Malaysia Desk Edition* yang dirujuk terdahulu, di ms. 255 disebut bahawa s. 127 "exists for the protection of the public who deal with companies. It would be undesirable to allow companies to disclaim the actions of disqualified directors solely on the ground of disqualification, especially where the public is unaware of the disqualification".

[11] Peruntukan s. 127 adalah jelas dan tidak terdapat apa-apa kekaburan mengenai pentafsirannya. Jadi ia mestilah ditafsirkan dan diberikan kesan mengikut apa yang dimaksudkan baginya oleh Badan Perundangan (sila lihat keputusan Mahkamah Persekutuan dalam *Affin Credit (M) Sdn Bhd v. Yap Yuen Fui* [1984] 1 CLJ 149; [1984] 1 CLJ (Rep) 62). D1 dan D2 tidak boleh menyatakan perjanjian tersebut terbatal kerana s. 127 Akta 125 mempunyai kesan mengesahkan perbuatan SP2 menandatangani perjanjian tersebut dan dengan itu perjanjian yang ditandatangani itu adalah sah dan mengikat defendan.

[12] Peguam cara defendan yang bijaksana Puan Jamiatul Adawiah binti Abdul Samad menghujahkan bahawa SP2 tidak mempunyai kekompetenan di sisi undang-undang untuk menandatangani perjanjian tersebut bersandarkan pemakaian peruntukan s. 38(1)(a) Akta Kebankrapan 1967 (Akta 360) kerana beliau tidak mendapat sanksi bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Insolvensi. Saya menyatakan bahawa peruntukan s. 38(1)(a) Akta 360 tidak ada pemakaiannya dalam kes ini. Seksyen itu memperuntukkan yang berikut:

> 38. (1) Where a bankrupt has not obtained his discharge:
>
> (a) the bankrupt shall be incompetent to maintain any action (other than an action for damages in respect of an injury to his person) without the previous sanction of the Director General of Insolvency;

SP2 bukannya pihak yang membawa tindakan ini (maintain this action). Seperti juga defendan kedua dalam kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd*, SP2 yang bukan merupakan pengarah tidak hilang kelayakannya untuk memegang jawatan di bawah s. 38. Sebagai ketua pegawai eksekutif, beliau merupakan pekerja plaintif. Yang membawa tindakan ini adalah

plaintif, majikannya. Jadi tidak berbangkit soal ketidakkompetenan SP2 yang membawa kepada perjanjian tersebut tidak boleh dikuatkuasakan. Kes-kes yang disebut bagi menyokong hujahan peguam cara yang bijaksana seperti *Mohd Afsar Yunus v. Handal Utama Sdn Bhd* [1995] 2 CLJ 118; [1995] 1 AMR 224 dan *Priyakumary Muthucumaru & Anor v. Gunasingam Ramasingam* [2006] 4 CLJ 458; [2006] 6 AMR 226, *Mohd Yusof Bin Awang & Anor v. Malayan Banking Bhd & Anor* [1995] 1 LNS 296; [1995] 4 MLJ 493 dan *Chin Kon Nam & Anor v. Chai Yun Phin Development Sdn Bhd* [1996] 1 CLJ 444; [1996] 4 MLJ 271 adalah pada pandangan saya tidak relevan bagi perkara yang dimaksudkan.

Isu (b)

[13] D2 mengakui menandatangani perjanjian tersebut dengan rela dan tanpa paksaan dan dibuat atas arahan SD3. Walaupun SD3 dalam pemeriksaan utama menafikan pelantikan SD2 sedemikian kerana tiada resolusi syarikat yang diluluskan bagi pelantikan itu, namun begitu semasa pemeriksaan balas, SD3 tidak menafikan kewujudan perjanjian tersebut dan tidak mempertikaikan kesahihannya. Beliau hanya memilih untuk tidak mahu memakai perjanjian tersebut kerana tidak mahu berurusan dengan SP2 dan lebih senang dengan perjanjian lisan dan perkiraannya dengan SP3, dan kerana itu juga maka beliau tidak pernah langsung menengok dan membaca perjanjian tersebut sebelum kes ini dibawa ke mahkamah. Keterangan saksi-saksi plaintif dan defendan dengan jelas menunjukkan bahawa perjanjian tersebut wujud, sah kerana ditandatangani dengan rela dan tanpa paksaan oleh D2 dan mengikat D1 kerana D2 sebagai seorang pengarah telah diberikan mandat oleh D3 untuk menandatanganinya walaupun mandat itu tidak dibuat dalam bentuk resolusi lembaga pengarah D1. Dalam hal keadaan yang wujud, soal bilangan wakil plaintif yang hadir pada masa perjanjian tersebut ditandatangani, iaitu tiga orang berbanding kehadiran D2 secara sendirian dan pelaksanaan perjanjian tersebut dibuat di tempat plaintif, bukanlah perkara yang relevan. Unsur pengaruh dan paksaan tidak dibuktikan dan tidak berbangkit sama sekali. Bukan menjadi tanggungjawab plaintif untuk memastikan bahawa D1 telah meluluskan resolusi memberi kebenaran kepada D2 untuk menandatangani perjanjian tersebut berdasarkan kepada prinsip pengurusan dalaman (sila rujuk kes *Royal British Bank v. Turquand* [1856] 6 E&B 327, *Mahoney v. East Holyford Mining Co* [1875] LR7 HL 869 dan *Thong Guan Co (Pte) Ltd v. Lam Kong Co Ltd (No 2)* [1998] 3 CLJ 964).

Isu (c)

[14] Berdasarkan dapatan saya bagi isu (b) dan atas pengakuan D2 sendiri bahawa beliau telah menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak D1 dan sebagai penjamin kepada D1 dan beliau berbuat demikian atas

arahan SD3, maka saya memutuskan bahawa D2 adalah bertanggungan sebagai penjamin terhadap keberhutangan D1. Kebertanggungjawaban D2 di bawah perjanjian tersebut tidak dipertikaikan. Tidak dibawa dalam keterangan apa-apa penafian mengenainya.

Isu (d)

[15] Saya berpandangan tidak timbul keraguan daripada keterangan yang dikemukakan bahawa RM330,000 adalah kos bagi kulit kapal. Ini ditunjukkan dalam surat SP2 kepada JPM bertarikh 17 Disember 2003 (ms. 16/D) yang memohon kebenaran untuk menjual kapal yang dibina oleh plaintif tanpa enjin dan peralatan kepada D1 dan menyatakan persetujuan membenarkan D1 membuat bayaran harga jualan secara ansuran.

[16] Perenggan kedua perjanjian tersebut memperuntukkan yang berikut:

> Bahawasanya 'Penjual' bersetuju untuk menjual dan 'Pembeli' bersetuju untuk membeli sebuah kulit vessel tanpa peralatan yang telah siap dibina dengan harga yang dipersetujui sebanyak RM330,000 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Tiga Puluh Ribu) serta pembayaran yang telah di persetujui seperti dibawah -

Dalam kes *Tan Chong & Sons Motor Co Sdn Bhd v. Alan Mcknight* [1983] 1 CLJ 77; [1983] CLJ (Rep) 394 ms. 399; [1983] 1 MLJ 220, Salleh Abas HMP (Yang Arif pada masa itu) berkata di ms. 229:

> There is this rule of evidence contained in section 92 of the Evidence Act to the effect that no oral evidence will be admissible to contradict, vary, add or subtract the terms of a written agreement unless the oral evidence comes within one of the exceptions or illustrations contained in the section.

(Sila juga rujuk kes *Tindok Besar Estate Sdn Bhd v. Tinjar Co* [1979] 1 LNS 119; [1979] 2 MLJ 229). Keterangan D2, SD2 dan SD3 bahawa anggaran kos sebanyak RM700,000 yang dipersetujui secara lisan mestilah ditolak kerana bercanggahan dengan kandungan perjanjian tersebut. Secara keseluruhannya, saya mendapati terdapat banyak ketidakkonsistenan dan percanggahan dalam keterangan saksi-saksi defendan. Walaupun kos pembinaan dikatakan RM700,000 secara keseluruhannya, namun begitu D2 memberi keterangan yang bercanggah apabila menyatakan bahawa lebih kurang RM300,000 adalah kos bagi badan kapal, iaitu dinding, lantai, rumah, kerangka kosong. SD3 juga menyatakan bahawa amaun bagi kerangka kulit kapal tersebut adalah sebanyak RM330,000, iaitu anggaran yang diberikan kepadanya oleh SD2. SD2 pula tidak boleh membahagikan berapa amaun bagi kerangka,

badan, enjin dan sebagainya kerana katanya kapal itu dibuat ala Siam dan hanya SP3 sahaja yang memahaminya. Saya juga tidak mengambil kira keterangan SD3 bahawa notasi beliau di eks. P3 (ms. 34/D) menunjukkan perkiraan RM236,203 adalah bagi jumlah pembayaran untuk kulit kapal. Notasi ini dibuat pada sekitar bulan Jun atau Julai 2004. Notasi ini bertentangan dengan kandungan perjanjian tersebut. Selain itu, kandungan surat plaintif bertarikh 17 Disember 2003 tidak dicabar oleh saksi-saksi defendan. SD3 dalam keterangannya bersetuju plaintif telah menjualkan KNF 7396 tanpa peralatan.

[17] Pli D1 mengenai RM700,000 sememangnya tidak boleh dipertahankan. Tidak ada apa-apa keterangan dokumentari bagaimana amaun ini boleh dicapai. Amaun ini masih tidak dicapai mengikut analisis yang dibuat oleh SP1 dan SP2 kerana dengan mengambil kira kos kelengkapan kapal sebanyak RM261,481, dan kos kulit kapal sebanyak RM330,000, maka kos keseluruhan adalah RM591,781 dan bukannya RM700,000. Dengan mengambil kira juga D1 telah membayar RM249,005 bagi kos kelengkapan dan RM90,000 bagi kos kulit kapal, maka D1 masih terhutang dengan plaintif sebanyak RM252,776. Perlu diperhatikan bahawa perkiraan yang dibuat oleh SP1 dan SP2 ini tidak menjadi subjek pemeriksaan balas (sila rujuk kes *Aik Ming (M) Sdn Bhd & Ors v. Chang Ching Chuen & Ors & Another Case* [1995] 3 CLJ 639).

Mengenai Kos Kelengkapan Peralatan Kapal

[18] Keterangan menunjukkan terdapat dua kos berhubung dengan pembinaan kapal ini. Pertamanya, kos pembinaan kulit kapal sebanyak RM330,000 dan yang menjadi hal perkara perjanjian tersebut. Kos ini dibiayai oleh plaintif. Keduanya, kos membeli kelengkapan kapal. Kos ini dibiayai oleh D1. Walaupun kelengkapan dibeli oleh D1 tetapi D1 juga ada meminta plaintif membelikan kelengkapan baginya. Keterangan SP2 yang tidak dipatahkan menunjukkan bahawa secara lisan D1 telah memberi SP2 kuasa untuk membeli kelengkapan kapal di Thailand memandangkan D1 masa itu tidak biasa dengan pihak Thailand. Tiada sebut harga disediakan tetapi pembelian yang dibuat adalah dengan pengetahuan dan persetujuan D1. Kesemua pembelian berjumlah RM261,481 adalah seperti yang ditunjukkan dalam penyata perbelanjaan di eks. P2 yang disediakan oleh SP2. Daripada jumlah ini, keterangan SP2 selanjutnya menunjukkan bahawa D1 telah membayar sebanyak RM249,005. SP2 tidak diperiksa balas mengenai keterangannya bahawa kesemua 14 bayaran melalui cek yang dibuat oleh D1 seperti yang tertera dari ms. 21/D hingga ms. 28/D dan bayaran tunai ke 15, 16 and 17 seperti yang tertera di ms. 47/D masing-masing berjumlah RM13,185, RM2,000 dan RM2,000, adalah bagi peralatan kapal dan

direkodkan dalam penyata perbelanjaan di eks. P2. SP2 hanya diminta mengesahkan semasa pemeriksaan balas bahawa kesemua amaun yang ditandakan dari angka 1 hingga 14 dalam bulatan di eks. P2 adalah bayaran yang dibuat oleh D1. Di bawah hal keadaan ini, adalah munasabah dibuat anggapan bahawa D1 tidak mempertikaikan keterangan SP2 mengenai ms. 21-28/D dan eks. P2. Menurut SP2 lagi, pembayaran dibuat sebelum pembelian dan D1 mengetahui berapa amaun yang perlu dibayar kerana telah diberitahu oleh SP2 secara lisan. Keterangan ini juga tidak dipertikaikan. Muka surat 33/D merupakan gabungan perbelanjaan yang disediakan oleh SD3. Saya menolak keterangan SD3 yang menyatakan kos di ms. 33/D adalah bagi kerangka kapal. Beliau sendiri mengakui beliau bukan orang teknikal dan tidak berpengetahuan tentang apa yang merangkumi kerangka kapal. Saya menerima keterangan SP2 bahawa jumlah RM242,802 yang tertera di ms. 33/D itu adalah perbelanjaan yang tidak meliputi harga kulit kapal. Keterangan yang tidak dipertikaikan menunjukkan bahawa SP2 telah 20 tahun berkecimpung dalam bidang pembinaan kapal dan telah membina lima buah kapal laut dalam. Beliau juga terlibat dalam pembinaan KNF 7396. Keterangan beliau boleh dipercayai berbanding keterangan SD3.

[19] Yang dipersoalkan dalam pemeriksaan balas SP2 adalah tentang ketiadaan baucer dan resit di ms. 1-4/E yang tidak menyatakan untuk apa bayaran dibuat. Saya menerima penjelasan SP2 mengenai kedua-duanya sebagai munasabah dan boleh dipercayai. Baucer asal telah diberikan kepada D1. Resit-resit tersebut dikeluarkan oleh plaintif dan ditandatangani oleh SP2 dan diberikan kepada D1. SD2 menyatakan beliau tidak mengambil tahu tentang resit-resit tersebut kerana itu urusan SD3. Dalam apa jua keadaan, saya berpandangan bahawa tidak mungkin D1 akan membayar seperti yang ditunjukkan dalam penyata akaun di ms. 21-32/D jika tidak dibuat pembelian seperti yang diperihalkan oleh SP2.

Mengenai Pelepasan KNF 73

[20] Keterangan menunjukkan bahawa plaintif telah melepaskan kapal selepas dibayar RM90,000 pada 7 Julai 2004. Defendan telah mengenengahkan isu pelepasan ini bagi menunjukkan bahawa D1 telah menjelaskan kesemua harga pembinaan KNF 7396 dan plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadapnya. Saya tidak berpandangan sedemikian. Keterangan SP1, SP2 dan SP3 yang tidak dipatahkan menunjukkan bahawa pelepasan itu dipersetujui walaupun bayaran penuh belum diselesaikan kerana pertamanya, bagi menunaikan permintaan D1. Keduanya, plaintif telah mendapat kebenaran daripada JPM untuk menjual kapal itu. Ketiganya, kedua-dua pihak telah terikat dengan

perjanjian tersebut. Keempatnya, atas dasar kepercayaan kerana D1 sejak merupakan rakan persekolahan SP3 dan kelimanya, D1 telah membuat sebahagian pembayaran sebanyak RM90,000 pada hari kapal dilepaskan.

[21] Surat plaintif kepada JPM bertarikh 10 September 2004 (ms. 19-20/D) yang mengemukakan permohonan melanjutkan tempoh sah laku kelulusan permit no. 0507 JPM yang berakhir pada 24 September 2004 kepada setahun lagi kerana pembayaran daripada D1 belum diterima dan D1 meminta penangguhan pembayaran sehingga November 2004, merupakan keterangan dokumentari kontemporari yang menunjukkan bahawa D1 masih belum menjelaskan pembayaran yang dituntut oleh plaintif. Defendan tidak boleh membuat apa-apa pergantungan kepada eks. P4 (ms. 5/E) kerana SD3 yang menjadi pembuatnya tidak mempunyai butir-butir terperinci tentang pembayaran dari Ogos 2003 hingga Januari 2004 dan beliau kurang pasti yang mana satu dalam ekshibit itu pembayaran yang dibuat untuk kelengkapan kapal. Keterangan SD3 ini walau bagaimanapun mengesahkan bahawa melalui eks. P4, memang terdapat bayaran yang dibuat oleh D1 kepada plaintif bagi kelengkapan kapal dan bahawa RM90,000 dibayar bagi kulit kapal. Berhubung dengan pertanyaan dalam pemeriksaan balas sama ada bayaran penuh telah dibuat kepada plaintif semasa kapal tersebut dilepaskan kepada D1, keterangan SD2 menunjukkan beliau memberitahu SP3 bahawa memandangkan D1 telah banyak membuat pembayaran dan melebihi anggaran maka sebagai penyelesaian, D1 berjanji membayar RM100,000, iaitu RM10,000 dibayar tunai dan RM90,000 melalui cek seorang pengarah D1, Tuan Syed Khalil. Keterangan ini merupakan pengataan kosong yang tidak disokong dengan apa-apa keterangan dan tidak konsisten dengan keterangan dokumentari di ms. 19/D yang menunjukkan keberhutangan D1. Juga tidak konsisten dengan keterangan SD3, dan juga keterangan D2 yang tidak mengetahui mengapa D1 tidak membayar plaintif jumlah RM236,000 selepas D1 mendapat permit dan menjalankan penangkapan ikan di laut dalam. Keterangan beliau berhubung dengan perbelanjaan pembinaan kapal yang telah mencecah RM1 juta tidak disokong dengan apa-apa keterangan dokumentari tentang perbelanjaan dan pembayaran yang dibuat. SD3 yang merupakan pengurus kewangan beliau juga tidak berupaya mengemukakan keterangan dokumentari yang dapat menyokong keterangan SD2 itu. Keterangan SD2 ini, pada penilaian saya, tidak merit apa-apa keberatan.

Mengenai Defendan Dikatakan Telah Ditipu Dan KNF 7396 Tidak Sempurna Dibina

[22] Pengataan mengenai defendan merasai mereka telah ditipu berkait rapat dengan pengataan mengenai pembinaan KNF 7396 yang tidak sempurna. Berhubung dengan pengataan tentang ketidaksempurnaan

pembinaan KNF 7396, sekali lagi terdapat banyak ketidakkonsistenan keterangan saksi-saksi defendan. Adalah dalam keterangan bahawa D2 telah dimaklumkan oleh plaintif tentang kemajuan pembinaan dan lawatan juga dibuat oleh D2, SD2, SD3 dan Tuan Syed Khalil semasa pembinaan KNF 3796 di Pengkalan Kubur. Tidak ada aduan yang dibuat oleh mereka sepanjang pembinaan berlangsung dan plaintif tidak dimaklumkan sama ada secara lisan atau bertulis bahawa terdapat kecacatan pada kapal tersebut. Kepada D2, yang tidak sempurna adalah KNF 7396 tidak dicat, ada kebocoran, banyak peralatan laut yang dibeli dan ditambah seperti pukat, tali dan pelbagai benda lain tetapi D2 tidak tahu berapa kos tambahan yang dibelanjakan. D2 juga tidak mengetahui sama ada terdapat masalah ujian apabila KNF 7396 dibawa dari Pengkalan Kubur ke Pelabuhan Tok Bali, Bachok. Keterangan D2 pada penilaian saya tidak merit apa-apa keberatan.

[23] Saya mendapati keterangan SP2 bahawa KNF 7396 telah lengkap sepenuhnya semasa kapal itu dilepaskan pada bulan Julai 2004, boleh dipercayai. Terdapat keterangan bahawa KNF 7396 telah dilancarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada 7 Julai 2004. D2 juga memberi keterangan bahawa selepas pelancaran, D1 telah meminta kebenaran JPM untuk mendapatkan lesen untuk menangkap ikan. Nombor pendaftaran KNF 7396 diberikan selepas JPM membuat pemeriksaan dan pengukuran dan selepas lesen diluluskan. D1 selepas itu telah menjalankan aktiviti menangkap ikan di laut dalam. SD2 juga memberi keterangan bahawa bila KNF 7396 disiapkan dalam Julai 2004, ia digunakan sendiri untuk menangkap ikan. Surat SP2 kepada JPM di ms. 19-20/D juga menjadi keterangan bahawa KNF 7396 telah mula beroperasi pada awal Julai 2004. SD2 dalam pemeriksaan balas mengakui bahawa KNF 7396 bukanlah tidak sempurna sepenuhnya dan beliau tidak nampak sebab mengapa kapal itu harus dipulangkan balik kepada plaintif. Menurut beliau lagi, jika tidak sempurna tidak mungkin kapal itu boleh belayar dari Pengkalan Kubu ke Tok Bali dan dibuat istiadat pelancaran. Saya berpandangan adalah jauh tidak munasabah jika KNF 7396 dikatakan tidak sempurna pembinaannya dalam hal keadaan sebegini. Keterangan SD3 bahawa kapal yang diterima tidak sempurna kerana tidak boleh turun ke laut untuk menjalankan operasi semasa permulaan penerimaan kapal tersebut bercanggah sama sekali dengan keterangan D2 dan pengakuan SD3, dan tidak merit apa-apa keberatan. Penafian D2, SD2 dan SD3 tentang pembelian barangan kelengkapan oleh SP2 sebagaimana yang sepatutnya adalah tidak bermerit. Saya berpendapat tidak mungkin KNF 7396 boleh menjalankan aktiviti menangkap ikan di laut dalam tidak lama selepas disiapkan jika barangan tersebut tidak dibeli.

[24] Saya menyatakan pengataan D2, SD2 dan SD3 bahawa mereka telah ditipu dan plaintif telah tidak berlaku jujur dalam transaksi antara mereka tidak boleh dipertahankan kerana pliding defendan tidak mengandungi butir-butir yang dimaksudkan oleh A. 18 k. 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Pli tentang penipuan dalam perenggan 6 pernyataan pembelaan tidak disertakan dengan butir-butir yang mencukupi dan hanya terdapat pengataan am penipuan yang tidak terjumlah kepada suatu kes penipuan yang diplid. Undang-undang adalah mantap bahawa butir-butir penuh mengenai penipuan yang dikatakan mestilah dikemukakan dengan nyata. Mahkamah Rayuan dalam kes *Abdul Manaf Ahmad v. Mohd Kamil Datuk Hj Mohd Kassim* [2009] 2 CLJ 121 mengesahkan sedemikian di ms. 132 dengan menyebut yang berikut:

> Quite apart from what I have said thus far, the plaintiff ought not, in my view, be permitted to rely on s. 18 by reason of the way he has fashioned his pleaded case. It is a cardinal rule pleadings now housed in RHC O. 18 r. 12, that a plea of fraud must be expressly taken with full particulars so that a court will not permit a litigant to raise or argue upon an unpleaded or unparticularised charged or fraud. See, *Gunga Narain Gupta v. Tiluckram Chowdry* LR 15 IA 119; *Ting Ling Kiew & Anor v. Tang Eng Iron Works Co Ltd* [1992] 3 CLJ 1685; [1992] 1 CLJ (Rep) 331. In the present instance, the plaintiff's pleaded case does not raise a charge of fraud at all to bring himself within the purview of s. 18 of the Ordinance. Accordingly, it is a point that is not fairly open to him to raise before us.

Dalam kes *Wong Yew Kwan v. Wong Yu Ke & Anor* [2010] 2 CLJ 703, Gopal Sri Ram HMR (Yang Arif pada masa itu) berkata di ms. 712:

> In the present case, the appellants sought to rely on the fraud exception. But, as correctly pointed out by the learned judge, mere general allegations of fraud are insufficient to constitute a pleaded case of fraud. As Lord Hatherley said in *Wallingford v. Mutual Society* 5 App Cas 685:
>
> There is the question of fraud which I said I should touch in one moment. Now I take it to be settled as anything well can be by repeated decisions, that the mere averment of fraud, in general terms, is not sufficient for any practical purpose in the defence of a suit. Fraud may be alleged in the largest and most sweeping terms imaginable. What you have to do is, if it be matter of account, to point out a specific error, and bring evidence of that error, and establish it by that evidence. Nobody can be expected to meet a case, and still less to dispose of a case, summarily upon mere allegations of fraud without any definite character being given to those charges by stating the facts upon which they rest.

Dalam kes yang sama, Zaleha Zahari HMR berkata di ms. 718 yang berikut:

> Order 18 r. 7(1) of the Rules requires a party to state the pleadings in the form of skeletal statement of facts sufficient to identify the matters complained of to enable one to establish one's case at the trial based on what is pleaded. To satisfy the rule on pleadings, the appellant was accordingly required to plead "material facts" necessary for his defence and counterclaim. On the issue of fraud, O. 18 r. 8(1) of the Rules requires fraud to be specifically pleaded. There is good reason for doing so. It is so as not to take the other party by surprise. In MR in *Associated Leisure Ltd & Ors v. Associated Newspapers Ltd* [1970] 2 QB, 450 Lord Denning said, "it is the duty of the counsel not to put a plea of fraud on the record unless he has clear and sufficient evidence to support it". On the non-particularization of fraud, the Federal Court in *Tan Chwee Geok & Anor v. Khaw Yen-Yen & Anor* [1975] 1 LNS 178 ruled that "Before a plea of fraud is put on record, it is the duty of counsel to insist on being fully instructed in the matter. Such a plea should never be pleaded on flimsy material". The non-particularization of the allegation of fraud by the appellant in this case was clearly fatal.

Bersandarkan proposisi undang-undang dalam autoriti di atas, pli tentang penipuan yang dikatakan dilakukan oleh plaintif mestilah ditolak.

[25] Saya juga berpandangan bahawa penipuan yang dikatakan hanya merupakan suatu pemikiran semula sahaja. Ini kerana tidak dibuktikan bahawa KNF 7396 tidak sempurna pembinaannya. D2 tidak membuat laporan polis tentang penipuan yang dikatakan dilakukan oleh plaintif. Tidak juga dimaklumkan kepada plaintif secara bertulis bahawa mereka telah menipu. SD2 juga tidak membuat tuntutan terhadap plaintif atas penipuan mereka dan tidak membuat laporan polis. SD2 menjelaskan bahawa beliau menyimpan hasrat murni untuk membantu SP3 dan D2 sehingga sanggup membelanjakan antara RM1 juta hingga RM2 juta bagi kos pembinaan dan penyenggaraan KNF 7396 dan keberatan untuk membuat laporan polis kerana beliau tidak mahu menyakiti orang. SD2 mungkin ada sebab tersendiri secara peribadi untuk tidak membuat laporan polis tetapi keterangan secara keseluruhan yang dikemukakan di hadapan mahkamah, pada penilaian saya, menunjukkan bahawa SD2 tidak dapat membuktikan segala pengataan beliau yang boleh mengasaskan dibuat laporan polis tentang penipuan SP2. Keterangan sebaliknya menunjukkan bahawa D1 sebenarnya telah terhutang dengan plaintif sebanyak RM236,000 bagi baki kos kulit kapal KNF 7396 dan telah memungkiri perjanjian tersebut apabila enggan membayar amaun itu. Surat tuntutan oleh peguam cara plaintif tidak dijawab atau dinafikan oleh D1. Kegagalan mengemukakan bantahan atau penafian menunjukkan penerimaan tuntutan yang dibuat itu (kes *David Wong Hon Leong v. Noorazman Adnan* [1995] 4 CLJ 155; [1996] 1 AMR 7).

[26] Dengan itu saya memutuskan bahawa plaintif telah membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian dan saya membenarkan tuntutan plaintif bagi jumlah sebanyak RM236,000 dan faedah pada kadar 8% setahun dari tarikh pemfailan writ saman hingga ke tarikh penyelesaian dan kos yang hendaklah ditaksirkan. Tiada perintah dibuat bagi permohonan injunksi seperti di perenggan 16(c) pernyataan tuntutan. Tidak ada keterangan yang dibawa oleh saksi-saksi plaintif yang menunjukkan mengapa perintah ini perlu dibuat bagi kapal yang kini telah didaftarkan atas nama SD2. Saya juga menolak tuntutan balas defendan dengan kos untuk ditaksirkan.